

10 SEP 2003

Mahathir-PBB/I

PBB TETAP SAMA, KATA PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 10 Sept (Bernama) -- Menyifatkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sebagai tempat bersempang kosong, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata badan dunia itu tidak mempunyai keazaman politik untuk membawa perubahan bagi mewakili anggota-anggotanya dengan lebih baik.

Perdana Menteri berkata sementara seluruh dunia diminta menjadi lebih demokratik, hakikat sebenarnya ialah negara-negara yang lebih maju tidak demokratik dalam hal ehwal antarabangsa.

Beliau diminta mengulas mengenai kenyataan Setiausaha Agung PBB Kofi Annan yang membidas Majlis Keselamatan dengan 15-anggotanya sebagai "tidak demokratik", dengan berkata badan itu yang ditubuhkan selepas Perang Dunia Kedua, kini merupakan lambang struktur kuasa yang ketinggalan zaman.

"Saya tak nampak keadaan berubah. Saya nampak mereka (kuasa besar) akan membelakangkan lagi PBB kerana kita bagi kuasa veto kepada mereka. Tetapi mereka sendiri tak hormat kuasa veto. Jadi apa ada makna lagi," kata beliau selepas menghadiri taklimat mengenai persiapan bagi Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam di sini.

Mengenai apa yang PBB harus buat untuk mengatasi kelemahannya, Dr Mahathir berkata: "Kita tahu apa yang mereka harus lakukan. Persoalannya ialah sama ada mereka mahu melakukannya atau tidak. Tiada keazaman politik untuk berbuat apa-apa."

Dr Mahathir menegaskan apa yang disuarakan oleh Kofi Annan sudahpun lama disuarakan oleh Malaysia dan ia hampir sama dengan apa yang beliau sampaikan dalam ucapan terulungnya di PBB.

Beliau berkata tiada alasan mengapa dunia masih perlu terikat dengan perang yang berlaku 50 tahun lepas.

Dalam laporan tahunan kepada Perhimpunan Agung, Kofi Annan berkata anggota PBB harus mencari "pembaharuan radikal" dalam cara PBB dan institusi lain berusaha untuk menangani peperangan, keganasan, kemiskinan dan hak asasi manusia.

Apabila ditanya sama ada kuasa veto harus dimansuhkan, Dr Mahathir berkata mungkin negara-negara kuasa besar dunia tidak dapat menerima idea ini tetapi sekurang-kurangnya sistem ini boleh diubahsuai.

Beliau berkata, usul di Majlis Keselamatan untuk menghentikan sesuatu harus dipertimbangkan jika, sebagai contoh, dua anggota tetap Majlis dan tiga lagi anggota bukan tetap bersetuju dengan usul itu.

"Tapi sekarang ini satu negara boleh menghalang 180 buah negara. Ia sangat tidak demokratik bagi sebuah negara, tidak kira berapa besar, untuk mengecewakan 180 negara lain," katanya.

Amerika Syarikat, satu daripada lima anggota tetap dengan kuasa veto mencerooh Iraq tanpa kelulusan PBB dan membelakangkan hasrat anggota-anggota utama lain.

Mengenai sama ada negara-negara Islam harus diberi kerusi tetap di Majlis Keselamatan, Dr Mahathir berkata yang lebih penting ialah suara negara-negara membangun diambil kira.

Kepada satu soalan, Perdana Menteri berkata kenyataan Kofi Annan sudah lama ditunggu-tunggukan.

"Ia sepatutnya telah disuarakan lama dahulu, tetapi, kita gembira beliau turut berpandangan sama dengan kita," katanya.

Mengenai isu Palestin, Dr Mahathir berkata tiada peluang bagi "peta jalan" keamanan untuk berjaya selagi hak rakyat Palestin tidak diktiraf.

Pihak Israel, katanya, mesti meninggalkan tanah yang mereka rampas

daripada rakyat Palestin dan membenarkan mereka yang diusir pulang ke tanah tumpah darah mereka dan rumah-rumah mereka dikembalikan.

Sementara itu menyentuh mengenai laporan kes Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) di Singapura, Dr Mahathir berkata hakikat sebenarnya ialah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mentakrifkannya sebagai kes bukan SARS.

"Tetapi malangnya, seperti biasa, media Barat menghebohkannya dan pasaran saham terjejas, dan saya agak pasti orang ramai sekali lagi membatalkan lawatan mereka ke kawasan ini.

"Industri pelancongan kita akan terjejas -- semuanya kerana terdapat satu kes yang kita tidak tahu puncanya dan ia bukan SARS menurut WHO," katanya.

Mengenai lawatannya ke Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan keseluruhan persediaan bagi sidang kemuncak OIC tetapi beberapa aspek perlu dilaraskan.

Beliau berkata beberapa ujian akan diadakan untuk memastikan sidang kemuncak itu berjalan lancar.

Dr Mahathir berkata pengalaman Malaysia dalam menganjurkan acara-acara antarabangsa utama seperti Sidang Kemuncak Pergerakan Berkecuali dan Ketua-ketua Kerajaan dan Negara Komanwel akan didokumenkan sebagai rujukan di masa depan.

-- BERNAMA

MAM PR